



Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

## Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum Anda membeli Allianz i-HospitalCash. Sila memastikan Anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

<b>Institusi Kewangan</b>	: Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Kami")
<b>Nama Produk</b>	: Allianz i-HospitalCash

### 1. Produk ini berkenaan apa?

Allianz i-HospitalCash adalah pelan perlindungan tulen yang membayar pendapatan harian atas kemasukan ke hospital, kemasukan ke hospital di luar negara, pembayaran balik perubatan akibat kemalangan, pembayaran balik perubatan di luar negara akibat kemalangan dan manfaat kematian. Pelan ini tidak mempunyai elemen simpanan atau pelaburan. Tempoh perlindungan untuk pelan ini adalah 5 tahun.

### 2. Apakah perlindungan/manfaat-manfaat yang diberikan?

Produk ini menyediakan:

Jadual Manfaat

Pelan Manfaat	Pelan 100	Pelan 200	Pelan 250
<b>Manfaat Tunai Hospital Harian<sup>1</sup></b>	RM100 sehari	RM200 sehari	RM250 sehari
<b>Manfaat Tunai Hospital Harian Luar Negara<sup>1</sup></b>	RM200 sehari	RM400 sehari	RM500 sehari
<b>Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan Kemalangan<sup>2</sup></b>	RM1,000 setiap tahun polisi	RM2,000 setiap tahun polisi	RM2,500 setiap tahun polisi
<b>Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan Kemalangan Luar Negara<sup>2</sup></b>	RM2,000 setiap tahun polisi	RM4,000 setiap tahun polisi	RM5,000 setiap tahun polisi
<b>Manfaat Kematian</b>	RM1,000	RM1,000	RM1,000
<b>Bonus Tiada Tuntutan pada Kematangan</b>	20% jumlah premium dibayar	20% jumlah premium dibayar	20% jumlah premium dibayar

#### Nota:

<sup>1</sup>Manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada had gabungan tujuh ratus lima puluh (750) hari Penghospitalan sepanjang tempoh perlindungan. Tiada Manfaat Tunai Hospital Harian akan dibayar bagi tempoh yang sama di mana Manfaat Tunai Hospital Harian Luar Negara akan dibayar dan sebaliknya.

<sup>2</sup>Manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan di Malaysia. Tiada Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan Kemalangan akan dibayar bagi tempoh yang sama di mana Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan Kemalangan Luar Negara akan dibayar dan sebaliknya.

Tempoh Perlindungan untuk pelan ini adalah lima (5) tahun.



**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad** (1983010008983)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

a) **Manfaat Tunai Hospital Harian**

Kami akan membayar manfaat ini dalam amaun mengikut pelan yang telah anda pilih untuk setiap hari Orang yang Diinsuranskan Dihospitalkan sebagai pesakit dalam sehingga tujuh ratus lima puluh (750) hari.

b) **Manfaat Tunai Hospital Harian Luar Negara**

Kami akan membayar manfaat ini dalam amaun mengikut pelan yang telah anda pilih untuk setiap hari Orang yang Diinsuranskan Dihospitalkan luar Malaysia sebagai pesakit dalam sehingga tujuh ratus lima puluh (750) hari.

c) **Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan Kemalangan**

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Tubuh Badan yang disebabkan secara langsung dan bebas daripada kesemua sebab lain, oleh Kemalangan dan kecederaan itu sahaja hendaklah, dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kemalangan, menyebabkan Orang yang Diinsuranskan memerlukan rawatan perubatan daripada Pakar Perubatan berdaftar atau dimasukkan ke Hospital berdaftar atau Hospital Kerajaan Malaysia atau memerlukan perkhidmatan jururawat yang layak dan berlesen, Kami akan, atas penerimaan dan kelulusan bukti yang memenuhi permintaan Kami, membayar Anda amaun bagi manfaat pembayaran balik kos perubatan kemalangan ini sehingga had sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. (tertakluk kepada perbelanjaan sebenar yang ditanggung)

d) **Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan Kemalangan Luar Negara**

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Tubuh Badan yang disebabkan secara langsung dan bebas daripada kesemua sebab lain, oleh Kemalangan dan kecederaan itu sahaja hendaklah, dalam tempoh lima-belas (15) hari dari tarikh Kemalangan, menyebabkan Orang yang Diinsuranskan memerlukan rawatan perubatan daripada Pakar Perubatan berdaftar atau dimasukkan ke Hospital berdaftar di luar negara Malaysia atau memerlukan perkhidmatan jururawat yang layak dan berlesen, Kami akan, atas penerimaan dan kelulusan bukti yang memenuhi permintaan Kami, membayar Anda amaun bagi manfaat pembayaran balik kos perubatan kemalangan ini sehingga had sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. (tertakluk kepada perbelanjaan sebenar yang ditanggung)

e) **Bonus Tiada Tuntutan pada Kematangan**

Bonus Tiada Tuntutan akan dibayar jika tiada tuntutan dibuat pada akhir tempoh perlindungan polisi. Anda hanya dibenarkan membeli satu polisi seumur hidup.

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

- (i) Premium yang perlu Anda bayar adalah bergantung kepada umur kemasukan (hari jadi terdekat) Orang yang Diinsuranskan dan pelan yang dipilih.

**Jadual Premium Tahunan**

Umur Kemasukan	Pelan 100	Pelan 200	Pelan 250
	Premium Tahunan (RM)	Premium Tahunan (RM)	Premium Tahunan (RM)
<b>18 – 24</b>	339.62	452.83	520.75
<b>25 – 29</b>	350.94	475.47	543.40
<b>30 – 34</b>	362.26	498.11	566.04
<b>35 – 39</b>	384.91	532.08	622.64
<b>40 – 44</b>	407.55	588.68	679.25
<b>45 – 50</b>	464.15	679.25	792.45



**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad** (1983010008983)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

- (ii) Tempoh pembayaran Premium untuk pelan ini adalah lima (5) tahun.
- (iii) Pembayaran Premium boleh dibuat secara bulanan atau tahunan.
- (iv) Kadar Premium untuk pelan adalah rata (tidak bertambah dengan umur Orang yang Diinsuranskan) dan ia adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada semakan pada masa depan. Kami berhak mengubah kadar premium dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan sebelum ulang tahun polisi berikutnya.

Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika Pemegang Polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila Polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.

#### **4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Tiada yuran dan caj akan dikenakan.

#### **5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang perlu saya ketahui?**

- (i) **Kepentingan Pendedahan** – Anda mesti menyatakan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur Orang yang Diinsuranskan dengan betul.
- (ii) Pelan ini tidak melindungi **Keadaan Sedia Ada**. Keadaan Sedia Ada bermaksud Hilang Upaya (fizikal atau mental) oleh Orang yang Diinsuranskan, di mana Hilang Upaya itu adalah satu (1) daripada:
  - a. Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan; dan/atau
  - b. nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah dicadangkan; dan/atau
  - c. simptom yang jelas dan nyata adalah terbukti.
- (iii) **Tempoh Percubaan** – Anda berhak membatalkan polisi anda dengan mengembalikannya dalam masa lima belas (15) hari selepas anda telah menerima polisi anda. Jumlah Premium yang telah dibayar oleh anda (setelah ditolak sebarang perbelanjaan perubatan) akan dipulangkan kepada anda.
- (iv) **Tempoh Penangguhan** – Anda diberi tempoh penangguhan selama tiga puluh satu hari (31) dari tarikh premium perlu dibayar untuk anda menjelaskan premium anda, di mana tempoh polisi anda masih lagi berkuatkuasa.
- (v) **Penguatkuasaan Semula** – Sekiranya polisi anda luput kerana premium tidak dibayar, anda boleh atas persetujuan daripada kami, untuk menguatkuasakan semula pada bila-bila masa dalam masa tiga (3) tahun dari tarikh premium yang dimungkiri. Anda boleh merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat untuk penguatkuasaan semula.
- (vi) **Tempoh Menunggu** – Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah pelan ini (kecuali manfaat kematian dan penghospitalan yang disebabkan oleh kemalangan) hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Terbitan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudiannya. Untuk Penyakit Tertentu, tempoh menunggu adalah seratus dua puluh (120) hari. Tiada tempoh menunggu untuk kemasukan ke hospital akibat kemalangan.

"Penyakit Tertentu" hendaklah bermaksud Hilang Upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya:

- a. Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular; atau



Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

- b. Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliar; atau
  - c. Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak; atau
  - d. Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele; atau
  - e. Endometriosis termasuk penyakit sistem pembentukan; atau
  - f. Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut.
- (vii) **Tuntutan** – Sekiranya Anda telah membeli beberapa polisi insurans perubatan dan kesihatan, untuk kerugian tertentu seperti perbelanjaan perubatan, di mana pampasan diberi secara pembayaran ganti, anda hanya akan dibayar pampasan sekali sahaja bagi kerugian sebenar yang dialami.
- (viii) Anda hanya dibenarkan untuk membeli satu polisi bagi setiap hayat.

**Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap di bawah Pelan ini.**

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah Pelan ini?

- a) Pelan ini tidak melindungi kematian akibat membunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian, polisi ini akan menjadi tidak sah dan kami akan memulangkan premium yang telah dibayar tanpa faedah di bawah polisi ini.
- b) Pelan ini tidak akan melindungi sebarang Manfaat Tunai Hospital Harian atau Manfaat Tunai Hospital Harian Luar Negara yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, akibat daripada sebarang satu (1) kejadian di bawah:
  - (i) Cubaan memusnahkan atau mencederakan diri sendiri yang disengajakan atau sebarang cubaan ancaman semasa siuman atau tidak siuman;
  - (ii) Perang, sama ada diisyiharkan atau tidak, mogok, perang saudara, revolusi atau mana-mana operasi seperti perang;
  - (iii) Perkhidmatan ketenteraan dalam perang yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan atau ketika di bawah arahan untuk operasi seperti perang atau pemulihan ketenteraman awam;
  - (iv) Pelanggaran atau cubaan pelanggaran undang-undang atau penentangan tangkapan;
  - (v) Rawatan, ujian atau prosedur berkenaan dengan kehamilan, keguguran, kelahiran, ketidaksuburan, pencegahan hamil, pemandulan, kecacatan kelahiran, kecacatan kongenital, penyakit keturunan, berkhatan atau sebarang pengguguran yang dilakukan akibat daripada sebab-sebab psikologi atau sosial, dan apa-apa akibat yang dihasilkan oleh mana-mana prosedur ini;
  - (vi) Alkoholisme atau penagihan dadah;
  - (vii) Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS), Kompleks Berkaitan AIDS, Human Immunodeficiency Virus (HIV) atau penyakit yang berkaitan, dan sebarang penyakit jangkitan seks dan keadaan yang berkaitan;
  - (viii) Keadaan Sedia Ada, sama ada di dedahkan kepada Kami atau tidak;
  - (ix) Sebarang penyakit yang berlaku dalam Tempoh Menunggu;
  - (x) Pemeriksaan perubatan atau perundingan rutin;
  - (xi) Kosmetik atau pembedahan plastik, jagaan dan rawatan pergigian, pendermaan organ dan tisu, penukaran jantina serta pembedahan tinjau atau eksperimen atau mana-mana prosedur elektif selain daripada hasil kecederaan akibat kemalangan, pembedahan atau penyakit;

- (xii) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, psikiatri, psikotik, gangguan mental atau saraf, termasuk neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya.
- c) Pelan ini tidak akan melindungi sebarang Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan Kemalangan atau Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan Kemalangan Luar Negara yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, akibat daripada sebarang satu (1) kejadian di bawah:
- (i) Serangan atau pembunuhan Orang yang Diinsuranskan akibat daripada pencabulan atau pencabulan undang-undang;
  - (ii) Pencabulan atau percubaan pencabulan undang-undang atau menentang penangkapan yang sah;
  - (iii) Percubaan membunuh diri, kecederaan tubuh badan sendiri yang disengajakan, kelakuan tidak senonoh Orang yang Diinsuranskan;
  - (iv) Pendedahan diri Orang yang Diinsuranskan kepada bahaya yang tidak sepatutnya secara sengaja atau terlibat dalam apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang, tanpa mengambil kira siuman atau tidak siuman;
  - (v) Peristiwa Kemalangan yang secara langsung ataupun tidak langsung berkaitan dengan pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, nuklear atau bahan senjata biologi atau kimia;
  - (vi) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada diisyiharkan peperangan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau rampasan kuasa tentera;
  - (vii) Orang yang Diinsuranskan mengambil bahagian atau terlibat secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang mogok, rusuhan, kekecohan awam atau aktiviti pengganas;
  - (viii) Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Tubuh Badan dialami semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah kecuali ianya diambil selaras dengan preskripsi yang diberikan oleh Doktor;
  - (ix) Terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang bersifat ketenteraan apabila penglibatan dalam perkhidmatan ketenteraan;
  - (x) Jangkitan ptomaines atau bakteria (melainkan jangkitan piogenik yang terjadi dengan dan melalui luka atau luka kecil tidak disengajakan);
  - (xi) Penyedutan atau pengambilan racun, gas atau wasap bisa dengan sengaja atau secara cuai;
  - (xii) Perubatan atau pembedahan yang diperlukan akibat daripada Kemalangan yang berpunca dari peristiwa-peristiwa dikecualikan seperti mana yang tersenari dalam (i) hingga (xi) di atas;
  - (xiii) Perubatan atau pembedahan yang tidak diperlukan akibat daripada Kemalangan; atau
  - (xiv) Orang yang Diinsuranskan terlibat atau mengambil bahagian dalam:
    - a. Melakukan penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
    - b. Perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisyiharkan atau tidak diisyiharkan sementara di bawah arahan bagi operasi serupa peperangan atau pengembalian ketenteraman awam;
    - c. Aktiviti-aktiviti termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan dengan kenderaan beroda atau kuda, sebarang aktiviti dalam air, pendakian gunung atau panjat tebing, penerokaan dalam gua, terjun payung, terjun udara, luncur udara (hang-gliding, gliding, para-gliding, micro-lighting) menaiki belon udara, lompat bungee, sukan musim sejuk, memburu ketika menunggang kuda atau terlibat dalam mana-mana jenis perlumbaan atau pergaduhan atau sukan profesional secara pemaduan atau penunggangan; atau
    - d. Memasuki, keluar daripada, mengendali, atau menservis, atau diangkut melalui mana-mana alat atau pengangkut udara melainkan apabila Orang yang



**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad** (1983010008983)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Diinsuranskan adalah penumpang di dalam penerbangan penumpang komersial mengikut jadual perjalanan penumpang yang tetap di atas laluan penumpang yang lama wujud atau apabila Orang yang Diinsuranskan adalah juruterbang berlesen atau anggota anak kapal yang menjalankan tugas selaras dengan pekerjaan beliau bersama dengan penerbangan komersial tersebut.

**7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi suatu notis bertulis kepada kami. Pembelian Polisi insurans hayat adalah satu tanggungan jangka masa panjang. Tiada nilai serahan tunai semasa pembatalan polisi ini.

**8. Apakah yang perlu saya buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?**

Adalah penting untuk anda menghubungi kami untuk mengemaskini maklumat hubungan terbaru anda termasuk alamat rumah anda dan alamat rumah penama dan/atau pemegang amanah anda, sekiranya ada, bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda atau penama dan/atau pemegang amanah anda pada masa yang tepat.

**9. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?**

Bukti umur Orang yang Diinsuranskan diperlukan sebelum mana-mana pembayaran manfaat di bawah polisi yang diterbitkan berikutan permohonan ini kecuali umur telah diakui sebelum ini dan disahkan oleh kami sebagai betul. Anda boleh melayari [www.allianz.com.my](http://www.allianz.com.my) untuk panduan tuntutan. Anda dinasihatkan supaya mengemukakan tuntutan anda (jika ada) kepada kami secepat mungkin.

**10. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan, sila melayari  
[www.mycoverage.my/insurans\\_hayat/](http://www.mycoverage.my/insurans_hayat/).

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)

(dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A

Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Customer Contact Center : 1 300 22 5542

Emel : [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

**11. Perlindungan lain seumpama yang ditawarkan.**

Sila hubungi Kami sekiranya Anda berminat untuk mengetahui tentang perlindungan yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

**NOTIS PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA.  
ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN  
ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**



**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad** (1983010008983)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

**Notis Penting Lain:**

1. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barang dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunakan dengan Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah setakat Tarikh Terbitan.